



GARIS PANDUAN PEMBERIAN DISKAUN 50% YURAN PENGAJIAN BAGI STAF YANG MENYAMBUNG PENGAJIAN DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menerangkan pelaksanaan pemberian diskaun sebanyak 50% daripada kadar yuran pengajian sebenar bagi staf UPM yang menyambung pengajian di UPM.

2. OBJEKTIF

Berikut merupakan objektif pemberian diskaun sebanyak 50% daripada yuran pengajian kepada staf yang layak:

- 2.1 Menggalakkan pembelajaran berterusan;
- 2.2 Memangkin semangat dan usaha agar sentiasa mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran; dan
- 2.3 Menghargai usaha dan komitmen staf yang bersungguh-sungguh menyambung pengajian sambil bekerja.

3. SYARAT DAN KELAYAKAN

Staf yang ingin mendapatkan kemudahan diskaun 50% yuran pengajian hendaklah memenuhi syarat dan kelayakan yang berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berstatus tetap yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun secara berterusan termasuk status perkhidmatan kontrak;
- 3.3 Bebas daripada tindakan tatatertib;

- 3.4 Pengajian adalah di UPM sahaja dan staf perlu mengemukakan surat tawaran pengajian;
- 3.5 Pengajian adalah secara separuh masa dan sepenuh masa;
- 3.6 Permohonan perlulah mendapatkan sokongan Ketua PTJ bagi memastikan pengajian tersebut tidak mengganggu tugas-tugas hakiki;
- 3.7 Staf hanya layak memohon kemudahan ini bagi pengajian yang lebih tinggi dari kelayakan akademik sedia ada;
- 3.8 Kemudahan ini hanya layak untuk **sekali sepanjang perkhidmatan**;
- 3.9 Kemudahan ini tidak terpakai bagi staf yang menyambung pengajian di *University Putra Malaysia Education & Training (UPMET)* dan *Putra Business School (PBS)*; dan
- 3.10 Bagi staf yang pernah mendapat kemudahan cuti belajar tetapi gagal menamatkan pengajian, layak mendapat kemudahan ini tertakluk kepada:
 - 3.10.1.1 Tindakan pecah kontrak telah diambil dan pegawai telah menyelesaikan bayaran keseluruhan tersebut atau telah memulakan pembayaran secara ansuran melalui potongan gaji setiap bulan. Bukti pembayaran perlu disertakan dalam dokumen permohonan; dan
 - 3.10.1.2 Mendaftar dalam program pengajian berbeza daripada cuti belajar.

4. TAFSIRAN MODE PENGAJIAN

Bagi Garis Panduan ini ;

- 4.1 "**Separuh Masa**" bermakna seseorang staf mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara separuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai tidak meninggalkan tugas. Staf tersebut mengikuti kursus atau pengajian di luar waktu bekerja;
- 4.2 "**Sepenuh Masa**" bermakna cuti yang diluluskan oleh UPM kepada seseorang staf bagi mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa. Dalam tempoh tersebut, pegawai dibenarkan meninggalkan

tugas untuk berkursus dan tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja. Staf tersebut mengikuti kursus atau pengajian di mana dalam tempoh tersebut staf dibayar gaji dan imbuhan tetap serta menjalankan tugas hakiki.

5. TEMPOH PENGAJIAN

Staf yang berjaya mendapat diskaun 50% daripada yuran pengajian perlu menamatkan pengajian berdasarkan peraturan Fakulti/Bahagian Akademik/Sekolah Pengajian Siswazah yang sedang berkuatkuasa. Secara amnya, staf perlu bergraduasi mengikut jangka masa yang telah ditetapkan (**Graduate On Time – GOT**). Sehubungan dengan itu, berikut merupakan ketetapan jangkamasa bagi peringkat pengajian:

| Bil | Program | Tempoh Pengajian | |
|-----|-------------------|----------------------|--|
| | | Sepuluh Masa | Sepuluh Masa |
| 1. | Ijazah Pertama | 8 Semester/4 tahun | 8 Semester/ 4 tahun ; atau 10 Semester / 5 tahun (Bagi bidang Perubatan & Perubatan Veterinar) |
| 2. | Master | 8 Semester/ 4 tahun | 4 Semester/ 2 tahun |
| 3. | Ijazah Kedoktoran | 12 Semester/ 6 tahun | 6 Semester/ 3 tahun |

6. IKATAN PERJANJIAN

Bagi pengajian separuh masa dan sepenuh masa, staf yang berjaya mendapat diskaun 50% daripada yuran pengajian perlu menandatangani ikatan kontrak perjanjian dengan UPM separuh daripada jumlah semester yang telah diluluskan. **Tempoh kontrak perkhidmatan adalah berkuatkuasa mulai satu hari selepas tarikh akhir pengajian sepertimana yang dinyatakan di dalam surat tawaran pengajian yang telah dikemukakan.**

7. PENGIRAAN JUMLAH GANTIRUGI PECAH KONTRAK

Cara pengiraan jumlah gantirugi pecah kontrak adalah seperti di bawah:

Contohnya: sekiranya staf mendapat diskaun 50% bagi 4 tahun, ikatan perjanjian adalah selama 2 tahun (1/2 daripada tempoh pengajian).

Staf dianggap pecah kontrak dan perlu membayar jumlah ganti rugi yang telah ditetapkan sekiranya:

- (i) Belum menamatkan pengajian atau gagal bergraduat mengikut jangka masa yang telah ditetapkan (**Graduate On Time – GOT**);
- (ii) Gagal dalam pengajian; dan
- (iii) Meletak jawatan/bersara sebelum tamat ikatan dengan UPM.

Contoh pengiraan ganti rugi adalah seperti di **Lampiran A**.

8. PERMOHONAN

Permohonan untuk mendapatkan diskaun sebanyak 50% daripada kadar yuran pengajian sebenar bagi staf UPM yang menyambung pengajian hendaklah mengikut peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 8.1 Permohonan hendaklah dikemukakan ke Seksyen Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar **melalui** Ketua Pusat Tanggungjawab tidak kurang daripada satu (1) bulan sebelum memulakan pengajian; dan
- 8.2 Melampirkan **surat tawaran pengajian** daripada UPM.

9. KELULUSAN

Pendaftar akan mempertimbangkan permohonan kemudahan diskaun 50% yuran pengajian berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keputusan yang dibuat oleh Pendaftar adalah muktamad.

10. TARIKH KUATKUASA

Ikatan perjanjian bermula bagi permohonan yang diterima mulai Semester 1 Sesi 2017/2018 dan terguna pakai untuk staf yang baharu memohon untuk melanjutkan pengajian dan juga staf sedia ada yang belum melangkaui tempoh *GOT*.

11. TANGGUNGJAWAB

- 11.1 Staf perlu mengemukakan keputusan pengajian setiap semester selewat-lewatnya **minggu pertama pendaftaran** bagi melayakkan pemberian diskaun ini; dan
- 11.2 Staf yang telah mendapat kemudahan diskaun 50% yuran pengajian adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan **Surat Pengesahan Tamat Pengajian** ke Seksyen Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar selewat-lewatnya **tiga (3) bulan** setelah menamatkan tempoh pengajian.

Rujukan : Minit Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 10 {1999} (Minit 11/01 (1999) bertarikh 10 Disember 1999
Minit Mesyuarat Jawatankuasa Biasiswa dan Cuti Belajar Bil. 10/2017 pada 15 November 2017
Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali 630 pada 5/2/2018 {Minit 650.04 (a)}
Minit Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1 (2018) pada 27 April 2018 {Minit 5/1 (2018)}

| Perincian | Keterangan |
|--|--|
| Masih melanjutkan pengajian selepas tempoh yang diluluskan (Tidak GOT) | <p>Perlu membayar 100% yuran yang dikenakan bagi semester selepas tempoh yang diluluskan.</p> <p>Staf dianggap pecah kontrak dan perlu membayar semula jumlah diskaun yang telah diluluskan sebelum ini samada secara penuh atau melalui potongan gaji tidak melebihi tempoh maksimum kelulusan yang diberikan.</p> <p>Peringkat pengajian Master 6 semester. Yuran 1 semester RM2000. Diskaun RM1000. Jika gagal menamatkan pengajian mengikut tempoh yang diluluskan (GOT), jumlah perlu bayar balik adalah RM1000 x 6 semester = RM6000.</p> <p>Bayaran balik melalui potongan gaji :</p> <p>= RM6000/3 tahun @ 36 bulan @ 6 semester</p> <p>= RM166.67 sebulan</p> <p>Potongan gaji akan bermula selewat-lewatnya 3 bulan selepas tamat tempoh GOT atau tarikh terima pengesahan status dari Bahagian Akademik atau Sekolah Pengajian Siswazah.</p> |
| Gagal Dalam Pengajian. | <p>Staf dianggap pecah kontrak dan perlu membayar semula jumlah diskaun yang telah diluluskan sebelum ini samada secara penuh atau melalui potongan gaji tidak melebihi tempoh maksimum kelulusan yang diberikan atau tempoh semester pengajian yang dijalani.</p> <p>Contoh : Peringkat pengajian Master 6 semester. Yuran 1 semester RM2000. Diskaun RM1000. Jika gagal pada semester ke 6, jumlah perlu bayar balik adalah RM1000 x 6 semester = RM6000.</p> <p>Bayaran balik melalui potongan gaji :</p> <p>= RM6000/3 tahun @ 36 bulan @ 6 semester</p> <p>= RM166.67 sebulan</p> <p>Potongan gaji akan bermula selewat-lewatnya 3 bulan selepas tamat tempoh GOT atau tarikh terima pengesahan status dari Bahagian Akademik atau Sekolah Pengajian Siswazah.</p> |

| Perincian | Keterangan |
|---|---|
| Meletak jawatan/bersara sebelum tamat ikatan dengan UPM | <p>Staf dianggap pecah kontrak dan perlu membayar semula jumlah diskaun yang telah diluluskan sebelum ini samada secara penuh sekiranya meletak jawatan/bersara sebelum tamat ikatan dengan UPM.</p> <p>Contoh : Peringkat pengajian Master 8 semester (4 tahun {48 bulan}). Yuran 1 semester RM2000. Diskaun RM1000. Jumlah ikatan perkhidmatan dengan UPM 24 bulan. Meletak jawatan/bersara selepas 12 bulan tamat pengajian.</p> <p>Cara perkiraan</p> <p>Jumlah Keseluhan Kos x (Tempoh kontrak perkhidmatan – Tempoh berkhidmat selepas melapor diri)</p> <p>Tempoh kontrak perkhidmatan)</p> <p><u>RM16,000.00</u> (keseluruhan yuran 8 semester) x 365 hari</p> <p>730 hari</p> <p>= RM8,000.00</p> <p>Jumlah ikatan pecah kontrak yang perlu di bayar: RM8,000.00</p> |
| Penerima Diskaun Sedia Ada | <p>Bagi staf sedia ada yang sedang melanjutkan pengajian dan mendapat kemudahan ini perlu membuat permohonan baru pada semester 1 sesi 2017/2018 dan tertakluk kepada kiraan GOT di atas. Sekiranya pada masa permohonan, kemudahan telah diterima sama atau melebihi tempoh GOT yang dinyatakan, tiada lagi kemudahan diskaun yang akan diberikan dan perlu membayar yuran penuh. Tidak perlu menandatangani ikatan kontrak perjanjian.</p> <p>Jika pada ketika permohonan dibuat pada semester 1 sesi 2017/2018 masih berbaki 2 semester yang layak mendapat diskaun, surat tawaran akan diberikan sehingga baki tempoh 2 semester sahaja dan perlu menandatangani ikatan kontrak perjanjian.</p> |